Amalan Peruntukan Institusi Perbankan untuk Mengurangkan Kesan Kenaikan Risiko Kredit Berikutan Pandemik

Bank-bank berdepan cabaran yang besar apabila mengemas kini penilaian risiko kredit dan menentukan paras peruntukan yang wajar terhadap jangkaan kerugian kredit (*expected credit losses*, ECL) sepanjang pandemik COVID-19. Paras ketidakpastian yang lebih tinggi memerlukan bank-bank sentiasa menilai semula kesesuaian penunjuk ekonomi berpandangan ke hadapan yang diterapkan dalam model ECL. Keadaan ini diburukkan lagi oleh kesukaran yang dihadapi dalam menentukan kemerosotan sebenar keupayaan peminjam untuk membuat bayaran balik pinjaman, terutamanya dalam kalangan peminjam yang terlibat dengan pelbagai program bantuan bayaran balik pinjaman. Hal ini disebabkan oleh ketiadaan data bayaran balik pinjaman yang lebih terkini.


Berikutan cabaran ini, Bank Negara Malaysia (Bank) secara rasminya telah memaklumkan kepada bank-bank akan keperluan untuk menggunakan budi bicara yang sewajarnya apabila mengaplikasikan standard perakaunan dan modal pengawalseliaan yang berkaitan dengan ECL dan takrif mungkir bayaran balik pinjaman. Kehendak ini mengambil kira ciri kejutan COVID-19 yang luar biasa dan kesan-kesan pengurangan daripada langkah-langkah sokongan dasar yang meluas, termasuk bantuan bayaran balik pinjaman, yang bertujuan untuk membantu para peminjam menangani kesukaran bayaran balik pinjaman untuk tempoh sementara. Hal ini seterusnya dapat mengekalkan keupayaan mereka untuk membayar balik hutang dalam jangka masa pembiayaan. Selaras dengan itu, Bank menjelaskan bahawa apabila tiada faktor-faktor lain yang menunjukkan kenaikan risiko kredit yang ketara, pemberian bantuan bayaran balik pinjaman kepada peminjam yang terjejas akibat pandemik tidak seharusnya menjadi penentu pembiayaan dipindahkan secara automatik ke Tahap 2 atau Tahap 3, yang seterusnya akan memerlukan bank-bank menyediakan peruntukan kerugian sepanjang tempoh hayat pembiayaan di bawah MFRS 9. Demikian juga, penilaian 'kemungkinan tidak membayar balik pinjaman' di bawah takrif mungkir bagi tujuan modal pengawalseliaan tidak seharusnya berdasarkan pengambilan bantuan bayaran balik pinjaman oleh peminjam semata-mata, tetapi perlu berdasarkan penilaian secara lebih holistik ke atas penunjuk-penunjuk yang berkaitan serta maklumat peminjam yang tersedia.

Berlatarkan keadaan ini, rencana ini menerangkan cara bank-bank membuat penyesuaian dengan cabaran yang dihadapi dalam penilaian risiko kredit sambil memastikan kecukupan peruntukan terhadap risiko kredit yang lebih tinggi akibat pandemik. Rencana ini merangkumi pandangan yang diperoleh daripada penilaian tematik yang dijalankan oleh Bank pada suku kedua tahun 2021 yang melibatkan 37 institusi perbankan.

Bank-bank telah melaraskan amalan peruntukan dan pemantauan kredit untuk mengambil kira potensi kenaikan risiko kredit berikutan kekurangan maklumat peminjam

Semua bank telah menerapkan tahap amalan peruntukan yang lebih ketat (Rajah 2.10). Terdapat beberapa jenis amalan yang dilaksanakan, termasuk penetapan tahap pinjaman yang lebih awal berdasarkan penilaian tentang prospek risiko kredit untuk segmen-segmen tertentu peminjam; menetapkan penilaian pengurusan di bawah penyeliaan yang lebih teguh; membuat kajian semula yang lebih kerap ke atas pemboleh ubah makroekonomi

Rajah 2.10: Amalan Peruntukan dan Pemantauan Kredit oleh Bank-bank untuk Mengambil Kira Potensi Peningkatan Risiko Kredit




Sumber: Kaji Selidik BNM terhadap Bank-bank

(*macroeconomic variables*, MEV) dengan wajaran lebih tinggi diberikan terhadap senario berpandangan ke hadapan yang negatif; dan mengambil langkah lebih konservatif dalam menentukan pertimbangan pengurusan bagi mencerminkan ketidakpastian ekonomi yang berterusan. Proses pemantauan kredit juga telah dipertingkatkan dengan memanfaatkan data alternatif, seperti data urus niaga pembayaran bagi mengimbangi ketidakupayaan atau kelewatan mendapatkan maklumat kewangan para peminjam yang terkini. Semua bank juga telah mempergiat penilaian kredit terhadap peminjam korporat mudah terjejas melalui interaksi secara maya yang kerap, dengan memberikan tumpuan pada perubahan keadaan perniagaan dan operasi semasa supaya kesan pandemik terhadap profil peminjam dapat difahami dengan lebih baik.

Klasifikasi penetapan tahap

Bagi portfolio runcit, pencetus yang digunakan oleh bank-bank untuk menunjukkan kenaikan risiko kredit yang ketara masih berada pada tahap berhemat (Rajah 2.11). Meskipun bank-bank diberikan kelonggaran untuk mempertimbangkan faktor-faktor lain sebagai penunjuk kepada perubahan dalam risiko kredit, hampir separuh (18) daripada bank-bank yang mengambil bahagian dalam penilaian tersebut terus menganggap bayaran balik pinjaman sebagai pencetus utama bagi penilaian kenaikan risiko kredit yang ketara. Bagi kebanyakan bank-bank ini, kelulusan permohonan bantuan bayaran balik pinjaman secara automatik telah menyebabkan pemindahan penetapan tahap pembiayaan ke Tahap 2. Bagi empat bank yang dinilai, permohonan bantuan bayaran balik pinjaman akan mencetuskan pemindahan penetapan tahap bagi pembiayaan jika permohonan itu turut memenuhi penunjuk peningkatan risiko kredit lain seperti rekod bayaran tertunggak sebelum pandemik, paras pendapatan yang lebih rendah dan nisbah khidmat hutang yang lebih tinggi. Bagi 19 bank yang selebihnya, penilaian kenaikan risiko kredit yang ketara untuk pembiayaan di bawah bantuan bayaran balik pinjaman adalah berdasarkan bukti daripada amalan bayaran balik hutang sepanjang tempoh bantuan bayaran balik pinjaman. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes ini, bank juga mengambil kira takat kebergantungan peminjam terhadap program bantuan bayaran balik pinjaman bagi menyokong bayaran balik hutang, misalnya, apabila peminjam membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan bayaran balik pinjaman selanjutnya.

Rajah 2.11: Amalan Penetapan Tahap oleh Bank-bank bagi Peminjam Runcit di bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman




Sumber: Kaji Selidik BNM terhadap Bank-bank

Bagi portfolio bukan runcit, amalan mengklasifikasikan penetapan tahap kekal tidak berubah seperti tempoh sebelum pandemik. Peminjam terus dinilai pada peringkat akaun dan dipindahkan ke Tahap 2 atau Tahap 3 hanya selepas terdapat bukti kenaikan risiko kredit yang ketara. Bank-bank dengan dasar sedia ada yang mengehendaki pemindahan penetapan tahap dibuat secara automatik ke Tahap 2 bagi pinjaman yang dijadualkan semula dan distrukturkan semula telah meneruskan amalan tersebut selaras dengan dasar berkenaan. Beberapa bank juga telah mengambil langkah lebih awal mengklasifikasikan pinjaman ke Tahap 3. Hal ini menyebabkan peruntukan lebih tinggi dibuat bagi syarikat korporat tertentu yang mudah terjejas dalam sektor ekonomi yang paling teruk terkesan akibat pandemik. Kebanyakan bank masih melaksanakan tempoh minimum bagi khidmat bayaran balik hutang yang berterusan oleh peminjam iaitu tidak kurang daripada enam bulan sebelum membenarkan pemindahan penetapan tahap dari Tahap 2 ke Tahap 1. Dalam kesemua kes ini, peningkatan penetapan tahap perlu melalui penilaian tambahan pada peringkat akaun untuk mengesahkan bahawa keupayaan untuk membayar balik hutang oleh peminjam mungkin dapat dikekalkan.

Model ECL


Sebahagian besar bank meningkatkan kekerapan semakan bagi MEV yang digunakan dalam model ECL, terutamanya unjuran pertumbuhan KDNK dan pengangguran berikutan tahap ketidakpastian ekonomi yang tinggi dan berterusan yang dialami sepanjang tempoh pandemik (Rajah 2.12). Kebanyakan bank juga menerapkan tahap konservatif yang lebih tinggi dalam unjuran MEV berbanding dengan tempoh sebelum pandemik, dengan wajaran lebih tinggi (dalam julat antara 15% hingga 60% merentas bank-bank) digunakan dalam senario berpandangan ke hadapan yang negatif (Rajah 2.13). Sebanyak 14 bank selanjutnya tidak mengambil kira data kebarangkalian mungkir (*probability of default*) pada tahun 2020 untuk mengurangkan herotan data yang disebabkan oleh program bantuan bayaran balik pinjaman. Sepanjang tempoh ini, beberapa bank telah menangguhkan sebarang masuk kira semula (*write-back*) bagi peruntukan yang berdasarkan output model ECL bagi mengekalkan penampan peruntukan terhadap jangkaan kerugian yang lebih besar pada masa hadapan.

Rajah 2.12: Kekerapan Semakan terhadap MEV



Sumber: Kaji Selidik BNM terhadap Bank-bank

Rajah 2.13: Wajaran bagi Senario Berpandangan ke Hadapan yang Negatif



Sumber: Kaji Selidik BNM terhadap Bank-bank

Pertimbangan pengurusan


Sebahagian besar bank telah melaksanakan pertimbangan pengurusan[5] secara lebih awal untuk memperkukuh peruntukan bagi segmen peminjam yang dianggap lebih berisiko tinggi. Hal ini termasuk peminjam di bawah bantuan bayaran balik pinjaman dan dalam sektor ekonomi yang lebih terkesan akibat pandemik. Peningkatan penggunaan pertimbangan pengurusan oleh bank-bank mencerminkan ketidakpastian yang lebih tinggi berhubung dengan penentuan anggaran ECL selain untuk menyediakan penampan tambahan bagi peminjam di bawah bantuan bayaran balik pinjaman yang mungkin menyebabkan risiko kredit semakin meningkat pada masa hadapan (termasuk peminjam yang kekal di bawah Tahap 1). Pertimbangan pengurusan kumulatif yang diperuntukkan oleh bank-bank pada masa ini mencakupi kira-kira 40% daripada jumlah peruntukan – paras paling tinggi sejak pelaksanaan MFRS 9. Pada suku kedua tahun 2021, pertimbangan pengurusan yang diperuntukkan oleh bank-bank yang mempunyai dedahan runcit yang besar juga telah meningkat dengan ketara, iaitu berpurata sebanyak 34%, sebagai tindak balas kepada pelbagai program bantuan bayaran balik pinjaman yang berturut-turut. Bagi menentukan kuantum pertimbangan pengurusan, kebanyakan bank menggunakan kebarangkalian mungkir yang lebih tinggi dan/atau andaian kebarangkalian mungkir bersamaan Tahap 2 untuk segmen peminjam bantuan bayaran balik pinjaman yang dikenal pasti.

Amalan peruntukan berhemat bank-bank yang sedia ada dan pelarasan yang dibuat semasa pandemik untuk mengambil kira tahap ketidakpastian yang ketara dijangka menyokong daya tahan bank-bank terhadap potensi risiko kemerosotan kualiti aset yang ketara. Peruntukan kerugian pinjaman ketika ini dinilai mencukupi untuk menampan anggaran konservatif unjuran kerugian, termasuk kerugian daripada dedahan kepada sektor yang lebih terkesan akibat pandemik serta peminjam yang lebih mudah terjejas dan mungkin terus berdepan kesukaran membayar balik hutang mereka apabila langkah-langkah sokongan bayaran balik pinjaman ini ditamatkan secara beransur-ansur. Bank-bank dijangka meningkatkan lagi peruntukan pada separuh kedua tahun 2021 berikutan penilaian kesan PKP Penuh yang dikemas kini dan lanjutan tempoh program bantuan bayaran balik pinjaman. Namun demikian, penampan sedia ada serta unjuran perolehan seharusnya membolehkan bank-bank menyerap peruntukan tambahan tersebut. Peruntukan konservatif yang diamalkan dalam kalangan bank memberikan jaminan tambahan bahawa bank-bank tersebut berada pada kedudukan yang kukuh bagi menghadapi kerugian kredit yang lebih tinggi daripada jangkaan sekiranya berlaku perkembangan kredit yang lebih buruk.


[5] Pertimbangan pengurusan ialah peruntukan tambahan yang disediakan selain peruntukan yang diperoleh daripada model ECL. Peruntukan ini mencerminkan pelarasan untuk mengambil kira kekurangan data atau ketidakpastian yang tidak dirangkumi sepenuhnya oleh model ECL.

Peningkatan peruntukan pada tahun 2020 telah membolehkan bank-bank mengurangkan jumlah peruntukan tambahan yang disediakan untuk kerugian kredit pada tahun terkini (Rajah 2.14). Hasil penurunan kos kredit tahunan (Rajah 2.15) dan kerugian pengubahsuaian yang lebih rendah susulan peralihan kepada program bantuan bayaran balik pinjaman yang lebih bersasar telah menyokong peningkatan keuntungan bank pada separuh pertama tahun 2021. Margin faedah bersih juga meningkat (2.1%; Disember 2020: 1.9%) disebabkan oleh kos pembiayaan yang lebih rendah dan pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi terutamanya dalam segmen isi rumah. Peningkatan margin ini sebahagiannya mengimbangi penurunan yang ketara dalam pendapatan perdagangan bersih berikutan peningkatan kadar hasil bon, setelah perolehan yang besar dicatatkan pada tahun 2020. Secara keseluruhan, keuntungan sebelum cukai[6] sistem perbankan domestik telah meningkat sedikit (Rajah 2.16) menyebabkan pulangan aset dan ekuiti menjadi lebih tinggi, masing-masing sebanyak 1.1% dan 9.7% (Disember 2020: 1% dan 8.4%). Walau bagaimanapun, penilaian pasaran bank tersenarai kekal tidak menentu dan terus mencerminkan sentimen pelabur yang berhati-hati berikutan prospek pendapatan masa depan yang lebih lemah disebabkan oleh pemulihan ekonomi yang tertangguh (Rajah 2.17).


Rajah 2.14: Sistem Perbankan – Peruntukan



Rajah 2.15: Sistem Perbankan – Nisbah Kos Kredit Tahunan



Rajah 2.16: Sistem Perbankan – Pendapatan, Kos dan Untung Sebelum Cukai



Rajah 2.17: Sistem Perbankan – Nisbah Harga kepada Nilai Buku dan Nisbah Harga kepada Perolehan[3] Bank Tersenarai di Pasaran Saham Malaysia



Nota: 1. Perubahan tahunan dikira berdasarkan angka-angka untuk ST1 2020 dan ST1 2021
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
3. Merujuk kepada median nisbah semua bank tersenarai di pasaran saham Malaysia

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

[6] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Hasil teragregat seterusnya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% hingga 10.7%.